

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HSK 402 - Sejarah: Teori dan Kaedah

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan, DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. "Sejarah bagi Herodotus dan Thucydides adalah suatu kegiatan manusia, yang mampu dianalisis dan difahami."
(M.I. Finley)

Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, terangkan mengapa Herodotus dan Thucydides disanjung tinggi oleh para ahli sejarah.

2. "Para penulis Kristian telah mengabaikan tugas yang ulung bagi ahli sejarah." (R.G. Collingwood)

Bincangkan.

3. "Penggubalan undang-undang, baik politik mahupun sivil, tidak melakukan lebih daripada mengisytiharkan kemahuan perhubungan ekonomi." (Karl Marx)

Telitikan kesahan pandangan di atas dengan meninjau sejarah negeri Perak dalam tempoh 1850-1900.

4. "Aliran Annales telah mencapai kejayaan kerana telah menarik perhatian kepada golongan-golongan sosial yang baru serta menjalinkan hubungan yang berfaedah dengan sains sosial." (P. Goubert)

Ulaskan.

BAHAGIAN B

5. "Sejarah harus mengkaji kelakuan kolektif masyarakat bukan pilihan-pilihan individu dan keputusan-keputusan kerajaan." (F. Furet)

Bincangkan.

6. "Para ahli sejarah tidak menyebut hukum-hukum apabila mereka memberi penjelasan mengenai kejadian-kejadian." (W.H. Dray)

Mengikut pertimbangan anda, bolehkah pernyataan di atas dipandang sebagai bukti bahawa sejarah masih tidak dipertingkatkan ke tahap sains?

7. "Ahli sejarah bukanlah hakim ataupun juri; dia menduduki tempat seseorang yang dipanggil untuk membentangkan bukti." (H. Butterfield)

Nilaikan kesahan pandangan di atas.

8. "Sejarah sebagaimana ia benar-benar telah berlaku tidak mampu diketahui." (Charles A. Beard)

Adakah pernyataan di atas mencerminkan dengan tepat hakikat bahawa sejarah bukanlah suatu cabang ilmu yang objektif?

-ooooOoooo-